

SEMPENA PROGRAM ADVOKASI ILMUWAN MPN DI UNISZA HARI INI

BOLEHKAH MALAYSIA JADI MODEL TERBAIK?



**MOHD. IZANI
MOHD. ZAIN**

PROGRAM Advokasi Ilmuwan yang menjadi wadah strategik para profesor membitarai pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat, akhirnya kembali pada hari ini di kampus Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Gong Badak, Kuala Terengganu. Penganjuran program Advokasi Ilmuwan musim kedua ini mengulangi sejarah penganjuran pada musim pertama yang juga bermula di negeri tempat penyu bertelur ini.

Selain itu, ia adalah kesinambungan daripada Advokasi Ilmuwan musim pertama yang telah berjaya diadakan sepanjang 2015 dan 2016 di 20 buah kampus universiti awam (UA) di seluruh negara hasil kerjasama Majlis Profesor Negara (MPN), Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Utusan Malaysia. Namun penganjuran pada kali ini agak unik kerana ia hadir bersama Program Profesor Bersama Masyarakat yang turut disertai dengan Forum Kesejahteraan Ummah, membincangkan isu berkaitan kepentingan dan *survival* umat Islam yang akan diadakan di beberapa negeri sepanjang tahun ini.

Program Advokasi Ilmuwan pada kali ini akan membincangkan satu persoalan yang besar mengenai kepentingan Islam, iaitu *Transformasi Kesejahteraan Ummah: Bolehkah Malaysia Menjadi Model Terbaik?* Secara lebih terperinci, topik ini berhasrat memberi pencerahan kepada 10 perkara yang akan menjadi tunjang perbincangan bagi menambah baik kesejahteraan umat Islam di negara dan global.

Pertama, sejauh manakah umat Islam bersedia mengamalkan prinsip wasatiyyah dalam cara hidup mereka tanpa mengorbankan kualiti dan usaha yang cemerlang untuk pembang-




KONSEP busana Islam perlu dibangunkan ke tahap lebih tinggi dengan tujuan bukan sahaja patuh syariah bahkan mempunyai nilai keindahan yang dipandang tinggi masyarakat dunia. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

ngunan 1.8 bilion ummah di seluruh dunia pada masa kini. Apa yang kita lihat, jumlah umat Islam yang mewakili 23 peratus jumlah penduduk dunia ini, masih belum memberi jaminan terhadap kekuatan mereka untuk bersaing.


Kedua, sejauh manakah umat Islam, terutamanya generasi mudanya mempelajari ilmu sains dan teknologi supaya pada masa hadapan, dapat meningkatkan daya saing mereka. Umat Islam masih dilihat sebagai masyarakat pengguna sahaja manakala penghasilan inovasi teknologi masih dikuasai oleh bukan Islam.

Ketiga, sejauh manakah pengusaha dalam kalangan umat Islam berusaha untuk membekalkan produk makanan, minuman dan ubat-ubatan halal kepada seluruh umat Islam di seluruh dunia. Umat Islam sebenarnya tidak perlu bergantung kepada masyarakat bukan Islam untuk mendapatkan keperluan asas berkenaan memandangkan negara Islam mempunyai keu-

Program Advokasi Ilmuwan



UTUSAN MALAYSIA



**Transformasi Kesejahteraan Ummah:
Bolehkah Malaysia
Menjadi Model Terbaik?**



• Hari ini • Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu

payaan untuk berbuat demikian.

Keempat, perbincangan advokasi ini akan melihat sejauh manakah organisasi moden dan kompleks, terutamanya organisasi perniagaan, pemaju, perbankan, insurans dan sebagainya benar-benar memantapkan prinsip-prinsip yang patuh kepada hukum dan peraturan syariah dan selanjutnya menguasai serta memimpin sektor ini dalam kalangan masyarakat Islam.

Kelima, sejauh manakah kualiti governans dan birokrasi dalam sistem pemerintahan masyarakat Islam dapat diperbaiki supaya bersih daripada amalan rasuah dan salah guna kuasa demi pemeriksaan budaya kehidupan umat Islam. Dalam konteks ini, integriti sangat penting bagi menjamin kesejahteraan masyarakat dan keadilan sosial. Keenam, mengenai usaha yang dilakukan oleh seniman Islam untuk melahirkan budaya hiburan dan seni yang bukan sahaja patuh kepada hukum dan peraturan syariah, bahkan mencapai tahap kualiti yang tinggi dan berdaya saing.

Konsep pelancongan Islam akan menjadi perkara ketujuh untuk disentuh, iaitu sejauh mana ia dibangunkan sehingga menjadi komponen penting dalam industri pelancongan di seluruh dunia. Pelancongan budaya berteraskan Islam dan budaya tempatan wajar diangkat sebagai pendekatan

penting bagi mempromosi industri pelancongan negara.

Kelapan, melihat kepada sejauh manakah jaringan internet, media sosial, dan pendidikan atas talian dapat digunakan untuk mencetuskan transformasi besar dalam kalangan masyarakat Islam. Kemunculan konsep data raya misalnya mesti dimanfaatkan oleh umat Islam untuk kepentingan Islam.

Kesembilan, melihat sejauh manakah usahawan Islam berusaha memperluaskan pembangunan industri pembinaan, pengilangan, pemasaran dan sebagainya bagi memberikan manfaat kepada sumber manusia Muslim di seluruh dunia.

Dan akhir sekali, bagaimana konsep busana Islam dapat dibangunkan ke tahap yang lebih tinggi dengan tujuan bukan saja supaya patuh kepada hukum dan peraturan syariah bahkan mempunyai nilai estetika dan keindahan yang dipandang tinggi oleh masyarakat dunia.

Tuntasnya, kesemua perkara yang akan disentuh dalam program Advokasi Ilmuwan ini sangat jelas menggambarkan kesyuzulan Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap dan boleh mengangkat potensi ummah jika usaha dan langkah yang tepat dijayakan oleh semua pihak. Malaysia sebagai model negara Islam yang moden dan progresif boleh menerajui hal ini dengan sokongan dan dukungan umat Islam yang insaf dengan amanah besar ini. Sudah tiba masanya perjuangan Islam lari daripada retorik, tetapi dipasangkan dengan pemikiran dan tindakan yang tepat demi kesejahteraan ummah sejagat.

DR. MOHD. IZANI MOHD. ZAIN ialah Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Fellow Bersekutu Majlis Profesor Negara (MPN).